

NO. SOALAN: 45

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

RUJUKAN : 8709

SOALAN:

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah langkah-langkah
drastik yang dilaksanakan dalam membanteras isu MyKad palsu.**

JAWAPAN:

Kerajaan amat memandang serius kes-kes pengeluaran dan pengedaran kad pengenalan palsu yang dilakukan oleh sindiket kerana hal ini bukan sahaja melibatkan penipuan kepada individu yang terlibat tetapi turut menjejaskan nama baik Kerajaan. Individu yang terlibat di dalam pemalsuan kad pengenalan boleh disabitkan kesalahan di bawah Peraturan 25(1)(e), Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 yang mana mereka boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun atau denda tidak melebihi RM20,000 atau kedua-duanya sekali. Semenjak tahun 2009 sehingga Februari 2016, sebanyak 886 orang yang telah didakwa di bawah peruntukan ini.

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) juga turut melaksanakan aktiviti risikan untuk mendapatkan maklumat mengenai kegiatan pemalsuan kad pengenalan dan mempergiatkan lagi hebahan kepada masyarakat umum berhubung kesalahan pemilikan kad pengenalan palsu melalui media massa. Selain itu, JPN juga telah mengambil langkah untuk mempertingkatkan kualiti kad pengenalan dengan mengeluarkan Kad Pengenalan Biru bertaraf Warganegara Malaysia (MyKad) Struktur Baru yang memiliki ciri-ciri keselamatan yang lebih tinggi. Antara ciri-ciri keselamatan yang terdapat pada kad ini adalah *ghost image* dan turisan laser yang tidak membolehkan maklumat dipinda dengan mudah dan sekiranya terdapat sebarang pindaan, tindakan tersebut dapat

dikesan dengan mudah. Di samping itu, agensi-agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) seperti JPN, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) juga sentiasa bekerjasama dalam menjalankan operasi secara bersepadu bagi memantau, menyiasat dan membendung sindiket pemalsuan kad pengenalan. Oleh itu, Kementerian ini melalui JPN menggalakkan penglibatan orang awam untuk menyalurkan maklumat berkenaan sindiket pemalsuan kad pengenalan.